

Bagi mengatasi kemelesetan ekonomi

KAJI SISTEM EKONOMI KITA

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh ZAINUDDIN AYIP

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan digesa mengkaji dan merombak semula sistem ekonomi yang diwarisi sejak zaman penjajah bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi negara sekarang.

Serentak dengan itu, rakyat juga harus ditanami nilai-nilai baru seperti kesedaran, kesungguhan bekerja dan kejujuran menghadapi muslim infasi.

Ini adalah pendapat dua dari empat ahli panel yang membincangkan tajuk 'Kemelesetan Ekonomi —

Kesan dan Reaksi' di majlis Debat Agung Ekonomi Ke-12 di Universiti Malaya, malam tadi.

Kedua-dua ahli panel itu ialah Datuk Asri Haji Muda (PAS) dan Prof. Madya Syed Hussin Ali (Universiti Malaya). Turut sama membincangkan tajuk itu ialah Datuk Shahril Abdul Samad (UMNO) dan Encek Adam Abdul Kadir (PENAN).

Datuk Asri menegaskan, kerajaan harus menerima hakikat bahawa negara ini juga mengalami kemelesetan. "Kadar kemelesetan mungkin kita tidak tahu,

tapi usaha mengatasinya perlu dijalankan mulai sekarang," jelasnya.

Antara punca kemelesetan, kata beliau, ialah terlalu banyak orang-orang tertentu membuat spekulasi yang bukan-bukan.

Terjejas

Katanya, rakyat miskin di luar bandar terjejas terus akibat kemelesetan ini.

"Pemberian subsidi kerajaan kepada petani harus diteruskan. Kalau boleh biarlah secara adil

termasuk juga kepada penyokong-penyokong parti pembangkang," jelasnya.

Datuk Asri yang juga Yang Dipertua PAS berpendapat, kemelesetan ini dapat diatasi jika kerajaan mengkaji selok-belok ekonomi Islam yang melarang riba dan sebagainya.

"Usaha menubuhkan Bank Islam adalah baik, tapi matlamat dan perannya perlu dijelaskan secara meluas kepada seluruh rakyat," jelas beliau lagi.

Prof. Madya Syed Hussin juga menegaskan, kemelesetan ini menjejaskan kehidupan para petani yang rata-rata berpendapatan rendah.

Harga barang-barang keperluan harian perlu diturunkan supaya penderitaan rakyat miskin tidak terlalu membekankan, katanya.

Mengakui

Bellau memberi contoh, pendapatan purata peneroka FELDA lima atau 10 tahun lalu ialah \$1,000 sebulan. "Tapi kini ada di antara mereka yang berpendapatan hanya \$50 sebulan," jelasnya.

Prof. Madya Syed Hussin mengakui, akibat kemelesetan ini, beberapa projek kerajaan terpaksa ditangguhkan.

"Saya hairan mengapa projek Aerobus di Kuala Lumpur diteruskan sedangkan projek pembinaan hospital di Kuala Terengganu bernilai \$3 juta terpaksa ditangguhkan," jelasnya.

Seorang lagi ahli panel, Encek Adam Abdul Kadir pula menegaskan bahawa Amerika Syarikat adalah negara yang menyebabkan kemelesetan ekonomi dunia yang turut menjejaskan negara ini.

"Apabila Amerika menaikkan kadar faedah pinjamannya, ramai pelabur tidak sanggup untuk membuat pinjaman lagi. Dan Malaysia yang mengeluarkan bahaq-bahan mentah utama pasti terjejas apabila ramai pelabur atau peniaga tidak membeli bahaq-bahan mentah itu," jelasnya.